



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

JPM.KSN.100-2/2/5/Jld.3(52)

13 Mac 2020

Ketua Setiausaha Kementerian

**LANGKAH-LANGKAH MENANGANI PENULARAN WABAK
CURRENT NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)**

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan pengisytiharan *World Health Organization* (WHO) berkaitan penularan wabak COVID-19 pada tahap pandemik, semua kementerian disarankan untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut :


- (i) menangguhkan program-program tidak kritikal yang menghimpunkan orang ramai;
- (ii) menyediakan kaunter saringan kesihatan di setiap pintu masuk utama pejabat;
- (iii) menyediakan peralatan pencegahan penularan wabak seperti *hand sanitizer* di tempat-tempat yang bersesuaian di dalam premis Kerajaan;
- (iv) menasihatkan penjawat awam yang mempunyai gejala berkaitan wabak ini untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti menggunakan topeng muka dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan; dan

- (v) lawatan dan mesyuarat luar negara yang tidak kritikal ditangguhkan terutamanya di negara/daerah *lockdown*.
3. Pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa perlu dipatuhi.
4. Saya berharap perkara ini mendapat kerjasama dan perhatian serius semua pihak. Semoga dengan usaha-usaha ini, kita dapat bersama-sama memastikan penularan wabak COVID-19 dapat ditangani dengan sebaiknya dan keadaan pulih sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI)